

PM: Laporan berita luar negara dengan tepat

UM - 17/2/2007

KUALA LUMPUR 16 Feb. - Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mahukan berita dari luar negara dilaporkan secara tepat dan adil.

Beliau berkata, ketika masyarakat berada dalam situasi yang dipanggil globalisasi, sepatutnya apa yang berlaku di serata dunia mestilah dilaporkan tanpa berat sebelah.

Sehubungan itu, beliau mengalu-alukan pembukaan pejabat serantau Al-Jazeera di Kuala Lumpur yang boleh memberikan lebih banyak berita-berita dunia yang telus dan objektif.

"Sudah tiba masanya laporan berita dunia dibuat secara adil dan tepat ketika kita berada dalam suasana globalisasi," katanya dalam ucapan di majlis perasmian pejabat serantau Al-Jazeera di sini, hari ini.

Menurut Abdullah, ketika menjadi Menteri Luar, beliau mendapati pihak media tidak berminat terhadap pandangan politik dari negara-negara Selatan ketika itu.

"Kalau Al-Jazeera dapat memainkan peranan dengan baik, kita yakin dengan pandangan alternatif (berita) mereka (Al-Jazeera) dalam pelbagai saluran," kata Perdana Menteri.

Beliau juga turut berharap objektif agensi berita itu yang memilih Kuala Lumpur sebagai pejabat serantau akan dapat didengar dan dilihat dengan baik oleh masyarakat dunia.

Malaysia, kata Abdullah, bersedia membantu Al-Jazeera kerana percaya agensi berita asing itu melaporkan berita secara wajar dan adil.

"Kalau anda (Al-Jazeera) ada masalah, beritahu kami. Anda bebas beroperasi di sini," katanya lagi.

Beliau juga berharap Al-Jazeera akan berada lama di negara ini kerana mereka akan dapat melihat keunikan dan kepelbagaian budaya penduduk negara ini.

Sementara itu, Ketua Pengarah Al-Jazeera, Wadah Khamsar menyifatkan pemilihan Malaysia sebagai cawangan agensi berita adalah tepat pada masanya.

"Kuala Lumpur adalah negara yang toleran, pusat serantau dan seimbang," katanya pada ucapan alu-aluan pada majlis perasmian itu.

Sehubungan itu, beliau berjanji untuk menambah lagi berita di rantau ini bermula pada 1 Mac depan.